

Program Bantuan Covid-19

Soalan Lazim Mengenai Penangguhan Bayaran Caruman



1. Apakah Program Bantuan Covid-19 mengenai penangguhan bayaran caruman?

Program Bantuan COVID-19 memberi peserta yang layak 3 bulan tempoh penangguhan untuk membayar caruman tetap sijil takaful keluarga mereka. Semasa tempoh penangguhan ini, Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia") akan terus menyediakan perlindungan takaful.

Sila ambil perhatian bahawa ini **BUKAN** program penangguhan caruman automatik. Oleh itu, pemegang sijil perlu memaklumkan kami mengenai permohonan ini.

2. Bilakah tarikh kuat kuasa bagi Program Bantuan Covid-19?

Program Bantuan Covid-19 pada asalnya dikuat kuasa pada 1 April 2020 sehingga 31 Disember 2020 (termasuk kedua-dua tarikh) sebagai inisiatif yang dilaksanakan oleh seluruh industri. Walau bagaimanapun, tempoh tersebut telah dilanjutkan oleh Takaful Malaysia sehingga 31 Disember 2021 (termasuk). Penangguhan bayaran caruman adalah sehingga maksimum 3 bulan daripada tarikh kelulusan, sekiranya diluluskan oleh Takaful Malaysia.

3. Siapa yang layak untuk program penangguhan bayaran caruman?

Program ini terbuka kepada semua peserta yang mempunyai sijil aktif takaful keluarga Takaful Malaysia yang memenuhi kriteria di bawah:

- Peserta yang dijangkiti COVID-19, tertakluk kepada kuarantin secara mandatori di rumah atau mereka yang mengalami kehilangan pendapatan akibat COVID-19; dan
- Peserta dengan tarikh tunggakan caruman bagi sijil takaful bayaran caruman tetap yang jatuh antara 1 Januari 2021 dan 31 Disember 2021 (termasuk kedua-dua tarikh).

Untuk permohonan baru pada tahun 2021, sijil MESTI dikuat kuasa SEBELUM 1 Januari 2021.

Peserta yang layak perlu membuat permohonan penangguhan bayaran caruman dan permohonan tertakluk kepada kelulusan Takaful Malaysia.

4. Bolehkah saya memohon semula sekiranya pernah memohon sebelum ini?

Peserta yang pernah memohon sebelum ini dan permohonan itu telah diluluskan oleh Takaful Malaysia pada tahun 2020 boleh membuat permohonan semula pada tahun 2021 sekiranya keadaan kewangan mereka masih terkesan dengan pandemik tersebut seperti yang dinyatakan pada nombor 3 di atas.

Hanya satu kali penangguhan untuk tahun 2021 sahaja dibenarkan bagi setiap sijil.

5. Kaedah pilihan bayaran caruman (cth. bayaran tahunan, setengah tahun, suku tahunan, bulanan) yang boleh digunakan untuk penangguhan 3 bulan?

Ia terpakai untuk semua kaedah bayaran caruman, termasuk tahunan, setengah tahun, suku tahunan dan bulanan.

Sebagai contoh, jika caruman tahunan anda berjumlah RM1,200 jatuh pada 1 Mac 2021, anda boleh menangguhkan bayaran keseluruhan RM1,200 selama 3 bulan sehingga 31 Mei 2021. Mulai 1 Jun 2021 dan seterusnya, anda perlu membayar balik penangguhan caruman tahunan sebanyak RM1,200. Caruman tahunan berikutnya akan dibayar seperti biasa pada 1 Mac 2022.

6. Bolehkah tempoh penangguhan caruman sijil saya melebihi 3 bulan?

Tidak, pilihan penangguhan ini adalah tetap untuk 3 bulan sahaja. Peserta yang menghadapi sebarang masalah kewangan boleh menghubungi kami untuk membincangkan alternatif lain bagi meringankan masalah kewangan mereka.

7. Bilakah boleh saya memohon?

Anda boleh membuat permohonan penangguhan caruman dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021 (termasuk kedua-dua tarikh). Permohonan anda, sebaik sahaja diluluskan oleh kami, akan berkuat kuasa dari tarikh akhir caruman terakhir anda selama 3 bulan.

Senario 1:

- *Permohonan penangguhan bayaran caruman yang telah diluluskan pada 6 April 2021*
- *Caruman telah dibuat pada tarikh tamat caruman terakhir 1 April 2021, maka, tarikh bayar caruman seterusnya adalah 1 Mei 2021*
- *Tempoh penangguhan akan bermula pada 1 Mei 2021 dan berakhir pada 31 Julai 2021*

Senario 2:

- *Permohonan penangguhan bayaran caruman yang telah diluluskan pada 6 April 2021*
- *Tiada caruman diterima pada tarikh tamat caruman terakhir 1 April 2021*
- *Tempoh penangguhan akan bermula pada 1 April 2021 dan berakhir pada 30 Jun 2021*

8. Bagaimana saya boleh memohon?

Sebagai Peserta, anda boleh memohon dengan menghantar aplikasi anda kepada csu@takaful-malaysia.com.my dengan subjek emel dan cadangan isi seperti tersebut:

Permohonan Penangguhan Bayaran Caruman untuk Nombor Sijil: XXXXXXXX

Saya, <Nama Anda>, ingin memohon penangguhan 3 bulan bayaran caruman dengan tarikh tamat pada dd/mm/yyyy.

Sebab:

- Dijangkiti COVID-19; dan / atau
- Tertakluk kepada kuarantin secara mandatori di rumah kerana hubungan dengan pesakit COVID-19; dan / atau
- Mengalami kehilangan pendapatan, iaitu pemberhentian kerja, pengurangan waktu kerja atau gaji dan pemotongan komisen (sila beri jenis pekerjaan / perniagaan / industri, pekerjaan / bekerja sendiri / pemilik perniagaan).

Disertakan salinan dokumen sokongan untuk rujukan anda.

Contoh dokumen sokongan:

- Surat Doktor mengesahkan jangkitan Covid-19 (jika pemegang sijil dijangkiti); atau
- Surat Majikan Mengenai Potongan Gaji atau Penamatan/Pemberhentian Kerja; atau
- Surat Penutupan Perniagaan Tidak Penting oleh Pemilik Perniagaan; atau
- Bukti atau dokumen lain yang berkaitan, jika ada (contoh: notis penutupan pusat penjaja).

PENTING: Demi melindungi kepentingan pelanggan dan memastikan kesahihan permohonan, Takaful Malaysia hanya akan menerima permohonan melalui alamat emel yang telah didaftarkan dengan kami. Sila kemas kini maklumat hubungan anda melalui portal [myTakaful Customer](#) kami.

9. Jika saya mempunyai lebih daripada satu sijil takaful keluarga, bolehkah saya memohon penangguhan bayaran caruman untuk semua sijil?

Ya, pilihan untuk menangguhkan bayaran adalah terpakai untuk semua caruman takaful keluarga yang akan dibayar pada 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021. Sila nyatakan nombor sijil dalam permohonan emel anda. Sila ambil perhatian bahawa setiap sijil hanya layak untuk sekali penangguhan pembayaran sahaja.

10. Adakah terdapat caj pentadbiran atau caj lewat pada sijil saya semasa tempoh penangguhan?

Tidak, tiada caj pentadbiran atau faedah pembayaran lewat yang dikenakan untuk sijil anda sepanjang tempoh penangguhan.



11. Berapa lamakah tempoh proses permohonan ini?

Ia mengambil masa 7 hari bekerja untuk memproses permohonan dari tarikh penerimaan berserta bukti atau dokumen berkaitan.

12. Bagaimana untuk saya mengetahui bahawa permohonan penangguhan bayaran caruman berjaya?

Anda akan menerima notifikasi emel dari Takaful Malaysia yang mengesahkan permohonan anda lulus atau tidak.

13. Apa yang akan berlaku jika peserta meninggal dunia semasa tempoh penangguhan 3 bulan?

Sekiranya kematian berlaku dalam tempoh penangguhan, tuntutan yang perlu dibayar akan ditolak dengan jumlah caruman tertunggak termasuk amaun yang perlu dibayar dalam tempoh penangguhan.

14. Adakah saya perlu membatalkan caruman saya yang dibayar melalui kad kredit / debit, auto-debit atau arahan tetap bank apabila permohonan diluluskan?

Sebaik sahaja permohonan anda diluluskan:

- a. Takaful Malaysia akan menghentikan potongan caruman melalui kad kredit / debit dan auto-debit sehingga tempoh akhir penangguhan. Anda tidak perlu menghubungi bank untuk sebarang tindakan.
- b. Untuk arahan tetap bank, anda perlu memaklumkan bank yang berkenaan untuk menghentikan pembayaran.
- c. Untuk pembayaran berulang menerusi Perbankan Internet atau JomPAY, anda perlu mengubah pilihan berulang untuk menghentikan potongan auto melalui Perbankan Dalam Talian anda.

15. Adakah saya perlu membayar balik caruman selepas tempoh penangguhan berakhir?

Ya, anda perlu membayar balik caruman tertunda sebaik sahaja tempoh penangguhan berakhir untuk mengelakkan sijil anda luput / tamat.

Anda boleh menghubungi kami untuk membincangkan pilihan bayaran balik selepas tempoh penangguhan, terutamanya jika anda masih menghadapi kesukaran untuk membayar caruman tersebut.

16. Apabila tempoh penangguhan berakhir, apakah yang perlu saya lakukan untuk meneruskan kad kredit / debit, auto-debit atau arahan tetap bank?

Apabila tempoh penangguhan berakhir:

- a. Potongan biasa caruman melalui kad kredit / debit dan auto-debit akan disambung semula secara automatik.
- b. Untuk arahan tetap bank, anda perlu memaklumkan bank berkenaan untuk meneruskan pembayaran supaya sijil anda tidak berisiko untuk luput / tamat.
- c. Untuk bayaran berulang menerusi Perbankan Internet atau JomPAY, anda dikehendaki menukar semula ke pilihan berulang untuk meneruskan potongan auto melalui Perbankan Dalam Talian supaya sijil anda tidak akan berisiko untuk luput / tamat.

17. Sekiranya sijil saya luput selepas tempoh penangguhan, bolehkah sijil dikuatkuasakan semula?

Ya, anda boleh memohon penguatkuasaan semula sijil dengan menyerahkan dokumen sokongan kepada kami mengikut proses dan keperluan sedia ada. Sila hubungi Takaful Malaysia untuk mendapatkan nasihat.

18. Adakah saya mempunyai pilihan lain selain Program Bantuan Covid-19 ini untuk menangguhkan bayaran caruman?

Anda boleh mempertimbangkan pilihan lain seperti mengurangkan jumlah yang dilindungi atau mengeluarkan beberapa tambahan rider atau faedah untuk mengurangkan jumlah caruman. Sila hubungi Takaful Malaysia untuk mendapatkan nasihat.

19. Siapa boleh saya hubungi untuk pertanyaan lanjut?

Anda boleh emel di csu@takaful-malaysia.com.my dengan subjek Pertanyaan Penangguhan Bayaran Caruman atau hubungi kami di **1-300 88 252 385** semasa waktu bekerja.

Nota Penting:

- Ini bukan pengecualian caruman.
- Sekiranya permohonan anda diluluskan, perlindungan sijil anda akan terus aktif semasa tempoh penangguhan.
- Apabila tempoh penangguhan tamat, peruntukan kontraktual bayaran caruman akan diteruskan.